



DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

KENYATAAN MEDIA

LARIAN WILAYAH PERSEKUTUAN PERINGKAT KUALA LUMPUR DAN KL HALF MARATHON

Hari ini, YBhg. Dato' Seri TPr (Dr.) Maimunah binti Mohd Sharif, Datuk Bandar Kuala Lumpur, telah menyempurnakan pelepasan 3,908 peserta Larian Wilayah Persekutuan peringkat Kuala Lumpur dan 1,201 peserta KL Half Marathon bagi kategori 10 KM dan 5 KM yang bermula di Dataran Merdeka.

Terdahulu, pada jam 4:00 pagi, YBr. Encik Naquib bin Hamdan, Pengarah Jabatan Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan dan Sukan DBKL telah melepaskan 1,738 peserta bagi kategori 21 KM KL Half Marathon. Dengan jumlah keseluruhan sebanyak 6,847 peserta bagi semua kategori, acara ini mendapat sambutan luar biasa daripada pelbagai lapisan masyarakat.

Acara 5 KM Fun Run Larian Hari Wilayah Persekutuan dan KL Half Marathon pada awalnya mensasarkan penyertaan seramai 6,000 peserta. Namun, sambutan yang diterima sangat menggalakkan dan melebihi sasaran yang ditetapkan oleh Jabatan Wilayah Persekutuan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Selain menjadi acara sukan Larian Wilayah Persekutuan 2025 dan KL Half Marathon turut menjadi platform untuk memperkukuhkan interaksi masyarakat, di samping mengeratkan perpaduan di kalangan warga Wilayah Persekutuan melalui amalan gaya hidup sihat. Program ini juga merupakan siri ketiga selepas siri pertama yang berlangsung di Putrajaya pada 1 Februari 2025 dan siri kedua di Labuan pada 9 Februari 2025.

Selaras dengan komponen Healthy City atau Bandar Sihat menerusi visi Bandar CHASE, pengumuman program ini diharapkan dapat membentuk komuniti Wilayah Persekutuan yang mengutamakan kesihatan serta mengamalkan gaya hidup cergas dan aktif. Secara tidak langsung, ia juga dapat melahirkan generasi yang memiliki fizikal yang cergas dan minda yang cerdas, sekali gus menyokong aspirasi Kuala Lumpur sebagai bandar raya yang sejahtera, lestari, dan mesra komuniti.

Unit Media
Jabatan Perancangan Korporat
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
16 Februari 2025
e-mel: akhbar@dbkl.gov.my

